

PANDEMIK COVID 19: KESAN NEGATIF DAN POSITIF

Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh
Fakulti Pengurusan & Muamalah, KUIS
msofuan@kuis.edu.my

ABSTRAK

Perintah kawalan pergerakan (PKP) ke atas pandemik covid 19 yang dilaksanakan di negara kita Malaysia telah membawa kesan negatif yang amat signifikan kepada pelbagai segmen ekonominya. Implikasi PKP tersebut telah menyebabkan kesan negatif yang sangat besar kepada industri perngilangan dan pembuatan, sektor perkhidmatan, perusahaan kecil dan sederhana, peruncitan dan penjaja, serta pelancungan. Namun di sebalik kesan-kesan negatif tersebut, PKP juga telah memberi kebaikan yang sangat relevan kepada kelestarian alam sekitar di negara kita. PKP pandemik covid 19 telah melestarikan kualiti udara, air sungai, tanah dan tumbuhan serta mengurangkan peningkatan suhu global. Alam sekitar yang lestari adalah faktor yang sangat diperlukan oleh manusia untuk menjalani kehidupan berkualiti yang lebih sejahtera.

Kata kunci: Pandemik, PKP, ekonomi, alam sekitar, kehidupan.

Pendahuluan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia merupakan tindakan pencegahan dan kawalan yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam menanggapi kes pandemik koronavirus (COVID-19). PKP mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Tempuh PKP tersebut telah berlanjutan sehingga 31 Ogos 2020 dengan melibatkan beberapa fasa pelaksanaannya. PKP 1 telah dilaksanakan dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Dalam pada itu, pada 26 Mac 2020, pihak kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan yang mengalami peningkatan jangkitan kes koronavirus di tempat-tempat tersebut.

Terdapat banyak langkah pencegahan yang telah dikuatkuasakan di sepanjang tempuh PKP 1 dan PKPD tersebut dalam usaha kerajaan untuk membendung penularan koronavirus covid 19. Di antara langkah-langkah tersebut ialah larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan orang ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuasakan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian. Khusus untuk umat Islam, semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat jumaat adalah ditangguhkan serhingga ke suatu masa yang akan dimaklumkan kemudian.

Larangan juga telah dikenakan ke atas perjalanan rentas sempadan negeri bagi amalan ziarah-menziarahi semasa musim perayaan hari raya aidil fitri di samping tiada bazar Ramadhan. Manakala ziarah hari raya pula adalah dihadkan kepada 20 orang sahaja dalam satu-satu masa. Sekatan menyeluruh juga dilaksanakan ke atas semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Manakala bagi mererka yang baru pulang dari luar negara, mereka adalah dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin selama 14 hari. Di samping itu, sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara juga dilaksanakan.

Pihak kerajaan juga telah melaksanakan penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti. Penutupan juga dilaksanakan kepada semua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara. Begitu juga penutupan ke atas semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting kepada negara iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan.

Tempuh PKP 1 telah disambung kepada fasa kedua PKP (PKP 2) bermula pada 1 April 2020 sehingga 14 April 2020. Kemudian daripada itu, tempuh PKP 2 telah dilanjutkan pula ke tarikh 28 April 2020. Ianya berikutan tahap peningkatan coronavirus yang sangat membimbangkan di Malaysia pada bulan April. Di sepanjang tempuh pelaksanaan PKP tersebut, warga Malaysia telah diwajibkan dengan mempraktikkan amalan norma baru dalam kehidupan. Ianya merupakan usaha pihak kerajaan Malaysia untuk mengekang penularan dan memutuskan rantaian wabak coronavirus. Norma baru tersebut melibatkan amalan pemakaian pelitup muka, penjarakan sosial, amalan kerap mencuci tangan dan keperluan surat kebenaran untuk melepasi sekatan jalan raya untuk ke tempat kerja.

Bermula pada 4 Mei 2020, Malaysia mula mempraktikkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). PKPB merupakan perlonggaran syarat-syarat PKP tertentu bagi membuka semula kegiatan ekonomi negara secara terkawal. Di dalam perancangan PKPB, hampir semua sektor dan aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi sambil mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) perniagaan yang merangkumi penjarakan sosial dan mencatat nama, nombor telefon pelanggan, suhu badan dan tarikh lawatan mereka. Melalui pelaksanaan PKPB, ekonomi Malaysia yang mengalami kemerosotan yang agak drastik dan agak ekstrem di sepanjang bulan Mac dan April, telah mula menunjukkan pertumbuhan yang positif. Namun, sikap sebilangan besar rakyat Malaysia yang masih berhati-hati lantaran keadaan wabak covid 19 yang belum stabil, telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi agak perlahan.

Kesan-kesan negatif PKP pandemik covid 19; Mac - Jun 2020.

1. Kesan negatif terhadap ekonomi.

Aktiviti dan kegiatan perniagaan yang tidak beroperasi pada tahap normal telah mengakibatkan banyak entiti perniagaan yang mengalami kerugian dan tidak mampu bertahan untuk meneruskan aktiviti perniagaan mereka. Kesan negatif tersebut telah menyebabkan penutupan sejumlah besar operasi entiti perniagaan di seluruh negara di sepanjang tempuh empat bulan PKP pandemik covid 19. Di antara sektor ekonomi yang terjejas teruk ialah bidang perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pengilangan dan pembuatan, perkhidmatan, pengangkutan darat dan udara, pelancungan, peruncitan dan penjaja, pertanian, perladangan dan perikanan. Lantaran itu, pandemik covid 19 telah membawa impak negatif yang agak kritikal kepada ekonomi Malaysia di sepanjang tempuh Mac hingga Jun 2020.

Ianya dapat dilihat melalui perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mengukur kadar pertumbuhan tahunan ekonomi Malaysia. KDNK Malaysia untuk suku kedua tahun 2020; bulan April ialah -28.6%, bulan Mei ialah -19.5% dan bulan Jun ialah -3.2%. Secara kumulatifnya, KDNK Malaysia untuk suku kedua tahun 2020; April hingga Jun 2020, ialah -

17.1%. Berbanding KDNK Malaysia untuk suku pertama tahun 2020; Januari hingga Mac 2020, secara kumulatifnya ialah 0.7%. Di samping itu, sebagai perbandingan dengan pencapaian KDNK tahun lepas, KDNK Malaysia untuk suku pertama tahun 2019; Januari hingga Mac 2019 ialah 4.5%. Manakala KDNK Malaysia untuk suku kedua tahun 2019; April hingga Jun 2019, ialah 4.8%.

Jadual kadar pertumbuhan kumulatif KDNK Malaysia untuk suku pertama dan suku kedua bagi tahun 2019 dan tahun 2020.

Tahun	Kumulatif	Kadar KDNK
2019	Suku pertama	4.5%
	Suku kedua	4.8%
2020	Suku pertama	0.7%
	Suku kedua	-17.1%

Jadual perincian kadar pertumbuhan KDNK Malaysia untuk suku kedua bagi tahun 2020.

Tahun	Suku	Bulan	Kadar KDNK
2020	Suku kedua	Januari	-28.6%
		Febuari	-19.5%
		Mac	-3.2%
		Kumulatif	-17.1%

Sumber: Laporan perkembangan ekonomi Malaysia suku kedua 2020. www.bnm.gov.my

Selepas pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada bulan Januari dan Februari tahun 2020, aktiviti ekonomi terus mencatatkan aliran menurun pada bulan Mac dengan arahan PKP yang mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020. Perintah kawalan pergerakan termasuk perjalanan ke luar negara dan domestik, had kerja dan tempoh operasi perniagaan yang dipendekkan telah menjejaskan aktiviti ekonomi negara Malaysia secara ketara. Pengurangan aktiviti ekonomi secara mendadak itu telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi menjadi merudum pada suku kedua tahun 2020.

2. kesan negatif terhadap inflasi.

Di samping itu, kadar inflasi di Malaysia juga mengalami perkembangan yang negatif kesan daripada PKP pandemik covid 19. Pada suku pertama tahun 2020, kadar inflasi Malaysia ialah 0.9%, sementara pada suku kedua tahun 2020, kadar inflasi ialah -2.6%. Berbanding tahun 2019, kadar inflasi pada suku pertama tahun 2019 ialah -0.3%. Manakala bagi suku kedua tahun 2019 pula, kadar inflasi nya ialah 0.7%.

PKP yang dilaksanakan di seluruh negara termasuk pelbagai langkah yang telah menyekat aktiviti pengeluaran dan penggunaan. Hal ini mengakibatkan kejutan bekalan dan permintaan yang bukan sahaja berpunca daripada keadaan permintaan luaran yang sangat lemah tetapi juga kekangan pengeluaran dalam banyak sektor ekonomi. Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan negatif, sementara kebanyakan komponen perbelanjaan turut menurun. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, pada suku kedua tahun 2020, inflasi keseluruhan adalah pada -2.6%, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan pembiayaan bersih kepada sektor swasta terkumpul, pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul dan pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul berada pada paras yang sangat rendah pada bulan April dan bulan Mei berbanding bulan Jun 2020.

Selain itu, harga runcit bahan api yang ketara lebih rendah berbanding dengan bulan-bulan sebelum PKP juga telah menyumbang kepada kadar inflasi yang negatif. Ianya adalah disebabkan oleh lebihan penawaran bahan api di pasaran berbanding permintaannya kesan daripada penurunan yang sangat besar bilangan kenderaan yang bergerak di atas jalan raya di sepanjang tempuh tiga bulan PKP dilaksanakan. Pelaksanaan rebat tarif penggunaan elektrik di seluruh negara di sepanjang tempuh PKP juga telah menyumbang kepada kadar inflasi yang negatif.

Jadual kadar kumulatif inflasi Malaysia untuk suku pertama dan suku kedua bagi tahun 2019 dan tahun 2020.

Tahun	Kumulatif	Kadar inflasi
2019	Suku pertama	-0.3%
	Suku kedua	0.7%
2020	Suku pertama	0.9%
	Suku kedua	-2.6%

Sumber: Laporan perkembangan ekonomi Malaysia sukuan kedua2020.www.bnm.gov.my

3. Kesan negatif terhadap kadar pengangguran.

Kadar pengangguran yang agak tinggi di Malaysia pada suku kedua tahun 2020 juga banyak disebabkan oleh kesan daripada pelaksanaan PKP. Di sepanjang tempuh tiga bulan pelaksanaan PKP, terdapat banyak organisasi perniagaan dari sektor utama dan subsektor ekonomi yang mengecilkan saiz operasi atau menutup terus operasi aktiviti perniagaan mereka. Ianya adalah disebabkan oleh ketidak-mampuan mereka untuk bertahan dalam menghadapi situasi kadar permintaan yang amat rendah dalam pasaran ekonomi negara di sepanjang tempuh PKP tersebut. Kesan daripada itu ialah pemberhentian tenaga kerja yang sangat ramai. Implikasi tersebut telah menyebabkan ramai pekerja hilang pekerjaan; menjadi penganggur melalui pembuangan dan pemberhentian pekerja.

Jadual kadar pengangguran di Malaysia bagi suku pertama dan kedua untuk tahun 2019 dan tahun 2020.

Tahun	Kumulatif	Kadar inflasi
2019	Suku pertama	3.3%
	Suku kedua	3.3%
2020	Suku pertama	3.5%
	Suku kedua	5.1%

Jadual perincian kadar pengangguran di Malaysia untuk suku pertama dan kedua bagi tahun 2020.

Tahun	Kumulatif	Bulan	Kadar inflasi
2020	Suku pertama	Januari	3.2%
		Febuari	3.3%
		Mac	4.0%
		kumulatif	3.5%
2020	Suku kedua	April	5.0%
		Mei	5.3%
		Jun	4.9%
		kumulatif	5.1%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia. www.dosm.gov.my

Di samping itu, pertumbuhan lemah ekonomi Malaysia di sepanjang tempuh PKP juga telah disumbangkan oleh impak daripada pertumbuhan negatif sektor pertanian (-1%), perkhidmatan (-16.2%), perkilangan (-18.3), perlombongan (-20%) dan pembinaan (-44.5%). Sektor-sektor tersebut telah amat terjejas apabila hanya perkhidmatan penting seperti perniagaan runcit berkaitan makanan, utiliti, perbankan, pengangkutan serta entiti maklumat dan komunikasi sahaja yang dibenarkan beroperasi pada kapasiti yang sangat terhad akibat pelaksanaan sekatan PKP. Langkah sekatan pergerakan PKP juga telah menjejaskan dengan ketara perbelanjaan pengguna yang seterusnya memberi kesan secara langsung kepada subsektor pelancongan, perdagangan borong dan runcit, subsektor makanan dan minuman, penginapan dan perhotelan, pengangkutan.

Lantaran itu, secara zahirnya, pelaksanaan PKP pada sukuan kedua ekonomi telah menyebabkan kesan negatif kepada perkembangan ekonomi Malaysia. Ianya disebabkan oleh kesan daripada perkembangan negatif hampir keseluruhan sektor dan subsektor ekonomi di sepanjang tempuh PKP tersebut.

Kesan-kesan positif PKP.

1. Kesan positif terhadap pencemaran udara.

Di sebalik impak negatif yang dibawa kepada perkembangan ekonomi Malaysia, namun pada masa yang sama, secara tidak langsung, PKP juga telah memberi kesan positif kepada kelestarian alam sekitar Malaysia. Antara lain, pelaksanaan PKP telah membawa kesan positif kepada kualiti udara, kualiti air sungai, pengurangan pencemaran bunyi, pengurangan pencemaran sisa toksid di darat, pengurangan pencemaran tanah dan pengurangan peningkatan suhu global.

PKP telah memberi kesan yang positif kepada tahap kualiti udara di Malaysia. PKP pandemik covid 19 selama tiga bulan tersebut telah menyebabkan sebilangan besar rakyat Malaysia sentiasa berada di rumah masing-masing pada setiap masa. Hanya sebilangan kecil rakyat Malaysia yang terlibat dengan bidang pekerjaan yang dibenarkan sahaja boleh pergi bekerja. Secara puratanya, di luar tempuh PKP, terdapat kira-kira tiga juta kenderaan bermotor yang bergerak di atas jalan-jalan raya di Malaysia setiap hari. Ianya terdiri daripada kenderaan persendirian dan juga kenderaan perdagangan, seperti motorsikal, kereta, bas dan lori.

Larangan pergerakan tempatan dan rentas sempadan yang dikuatkuasakan di sepanjang PKP tersebut telah mengurangkan dengan sangat ketara bilangan pergerakan kenderaan di atas jalan raya pada setiap hari. Kesannya, dalam tempuh tiga bulan terawal semasa pelaksanaan PKP

pandemik covid 19 tersebut, jalan serta lebuhraya di Malaysia telah menjadi lenggang. Larangan pergerakan PKP tersebut juga telah menyaksikan penutupan sementara sebilangan besar kilang di sektor perindustrian. Keadaan-keadaan tersebut secara positifnya telah menyumbang kepada pengurangan yang amat signifikan tahap gas karbon dioksida, gas karbon monoksida, gas-gas beracun serta habuk halus di udara melalui asap yang dilepaskan oleh ekzos kenderaan dan cerobong kilang yang tidak terkawal melalui pembakaran bahan api fosil terutamanya petrolium.

Sebagai contoh, di kawasan Batu Muda, Cheras, Kuala Lumpur dan Putrajaya, kandungan bagi gas karbon monoksida di udara telah menurun di antara 6 hingga 15 peratus, nitrogen dioksida menurun antara 55% hingga 68%, sulfur dioksida 17% hingga 34% dan habuk halus 2.5 mikron 6% hingga 14%. Selain itu, analisis kandungan udara di stesen pengawasan kualiti udara di Shah Alam, Ipoh, Pulau Pinang, Kuantan, Seremban, Melaka, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati penurunan gas nitrogen dioksida 11% hingga 62%, sulfur dioksida 5% hingga 22%, karbon monoksida 2% hingga 25% dan habuk halus 2.5 mikron 2% hingga 23%¹.

Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang mengukur tahap kualiti udara ketika tempoh PKP pandemik covid 19 telah menunjukkan penurunan paras pencemaran gas karbon monoksida serta gas-gas beracun lain di udara. Ini adalah disebabkan pengurangan aktiviti pelepasan bahan cemar udara melalui asap kenderaan bermotor dan asap dari industri perkilangan. Kesannya, IPU yang mengukur tahap kualiti udara ketika tempoh PKP pandemik covid 19 telah menurun sebanyak 14% dengan mencatatkan IPU 'bersih' di seluruh negara. Tempoh PKP yang dilaksanakan pada ketika itu telah dapat meminimumkan beban bahan cemar udara pada kadar yang sangat rendah di atmosfera.

2. Kesan positif tahap pencemaran air.

Selain itu, PKP juga telah memberi kesan positif kepada tahap kualiti air sungai di Malaysia. Faktor utama pencemaran air sungai di negara ini adalah disebabkan oleh kandungan beban pencemaran yang sangat tinggi di sungai-sungai. Kandungan beban pencemaran yang sangat tinggi di sungai-sungai adalah kesan daripada pembuangan tidak terkawal sisa dan air kumbahan industri tidak terawat, sedimen daripada kerja tanah semasa aktiviti pembinaan serta sisa dapur penyedia makanan yang dengan sengaja dialirkan secara haram ke dalam sungai. Keadaan tidak terkawal tersebut telah meningkatkan kandungan kelodak logam berat dan pepejal terampai di dalam sungai yang memusnahkan eko-sistem sungai dan seterusnya membawa kepada pencemaran air sungai.

Sepatutnya, sisa dan air kumbahan industri seperti minyak dan cecair bahan kimia yang telah digunakan perlu disalurkan kepada sistem pemptungan berpusat yang membawa sisa-sisa industri tersebut ke loji rawatan efluen industri. Loji rawatan efluen industri akan merawat bahan buangan industri untuk menjadi bahan buangan industri yang terawat, sebelum kemudiannya bahan buangan industri terawat tersebut dilepaskan ke dalam sungai dengan selamat.

Secara alaminya, eko-sistem yang terdapat di atmosfera sungai yang sihat mempunyai keupayaan untuk merawat dan meneutralkan bahan-bahan mesra alam seperti bahan buangan industri terawat yang memasuki sungai, melalui proses biodegradasi pada tahap tertentu dan dalam satu jangka masa tertentu. Pembuangan bahan kumbahan dan sisa industri tidak terawat yang tidak terkawal di sungai, telah menyebabkan beban pencemaran berat bertambah tinggi melebihi kemampuan semulajadi sungai untuk mengurai bahan-bahan tersebut. Keadaan tersebut telah

¹ Laporan Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

mengakibatkan eko-sistem semula jadi sungai tidak berupaya untuk merawat dan meneutralkan beban pencemaran berat yang terlalu banyak dalam satu masa yang singkat. Sebaliknya pula, beban pencemaran berat yang terlalu banyak tersebut telah memusnahkan eko-sistem rawatan semula jadi sungai. Kesan jangka panjangnya ialah, air sungai akan berterusan tercemar untuk satu jangka masa yang lama.

Melalui pelaksanaan PKP, di mana sejumlah besar kilang dan tapak pembinaan menghentikan operasi mereka, ianya telah menghentikan aktiviti pembuangan secara haram bahan kumbahan dan sisa industri tidak terawat ke dalam sungai-sungai di Malaysia. Oleh yang demikian, jumlah beban pencemaran serta pepejal terampai di sungai-sunagi menjadi berkurangan dengan amat drastik. Ianya menyebabkan sungai mampu untuk merawat dan meneutralkan bahan-bahan asing yang kurang memasuki sungai, melalui proses biodegradasi secara semula jadi pada tahap tertentu dan dalam satu jangka masa tertentu. Lantaran itu, kadar pencemaran air sungai menjadi rendah. Kesannya, banyak sungai yang airnya keruh sebelum ini, telah menjadi bersih dan jernih. Sungai-sungai yang tercemar sebelum ini telah bertukar menjadi sungai yang lebih sihat.

Sebagai contoh, sungai-sungai di Lembah Klang yang dahulunya berwarna coklat, kini bertukar menjadi jernih. Antara sungai yang kelihatan jernih sejak pelaksanaan PKP adalah Sungai Gombak, Sungai Way, Sungai Kemuning serta Sungai Klang yang mengalir melalui Kuala Lumpur. Sungai Melaka juga turut dilihat semakin bersih dan jernih sehingga kelihatan sekumpulan ikan berenang di dalamnya. Sungai Pinang di Pulau Pinang yang merupakan antara sungai terkotor di Malaysia turut dilihat jernih berbanding keadaannya yang kehitaman sebelum PKP dilaksanakan.

Laporan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan pada 18 Mac hingga 14 April 2020 pemantauan kualiti air di 29 stesen pengawasan kualiti air automatik, lapan stesen iaitu 28 peratus menunjukkan kualiti air sungai bertambah baik. Pemberhentian pelbagai operasi yang bukan perlu seperti kerja-kerja tanah projek pembinaan, perindustrian juga pelbagai aktiviti yang mampu menjejaskan kualiti dan kuantiti jasad air secara tidak langsung telah mengurangkan beban pencemaran industri tidak terawat yang masuk ke dalam sungai. JAS turut melaporkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam indeks kualiti air sungai (WQI) di hulu atau lembangan sungai yang menempatkan keseluruhan 29 stesen pemantauan air sungai tersebut.

3. Kesan positif tahap pencemaran bunyi.

Pelaksanaan PKP juga telah menyebabkan hampir keseluruhan jalan raya di Malaysia menjadi lenggang, tiada kenderaan. Ianya berikutan daripada arahan supaya penduduk sentiasa tetap duduk di rumah masing-masing serta larangan pergerakan merentas sempadan daerah dan negeri-negeri, kecuali rentas negeri bagi tujuan aktiviti *essential* sahaja dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran dari pihak berkuasa. Ianya telah mengurangkan dengan sangat ketara pencemaran bunyi bising kesan daripada tiadanya kesesakan jalan raya hampir sepanjang waktu, terutamanya di semua bandar-bandar di seluruh Malaysia. Begitu juga, larangan pergerakan penduduk semasa pelaksanaan PKP telah menyebabkan penutupan operasi banyak kilang di hampir keseluruhan kawasan perindustrian di Malaysia.

Keadaan tersebut telah mengurangkan dengan sangat ketara pencemaran bunyi bising kesan daripada tiadanya kesesakan jalan raya hampir sepanjang waktu, terutamanya di semua bandar-bandar di seluruh Malaysia. Keadaan tersebut juga telah mengurangkan dengan sangat ketara pencemaran bunyi bising kesan daripada banyaknya kilang-kilang yang tidak beroperasi tersebut. Oleh itu, penduduk yang tinggal di kawasan bandar dan juga berhampiran kawasan perindustrian, dapat melalui kehidupan harian mereka dengan lebih tenang dan tenteram tanpa

gangguan bunyi bising tersebut. Ianya merupakan satu nikmat yang amat bererti bagi mereka untuk menjalani kehidupan tanpa bunyi bising yang mana pada kebanyakan masa, persekitaran yang bising merupakan penyebab utama terjadinya *stress* serta gangguan fizikal dalam hidup terutamanya orang dewasa.

Stress boleh membawa kepada masalah psikologi seperti tekanan emosi, kegusaran perasaan, kemurungan serta kecelaruan fikiran. Gangguan fizikal pula seperti sakit kepala, cepat letih dan mudah menjadi marah tanpa sebab yang munasabah. Masalah-masalah psikologi dan gangguan fizikal yang berterusan untuk satu jangka masa tertentu, mampu mengubah personaliti serta tingkah laku seseorang menjadi lebih agresif dan ganas terhadap orang lain, kurang keupayaan untuk menghadapi sesuatu keadaan yang sukar serta sukar membuat keputusan yang betul ketika berhadapan dengan sesuatu masalah. Individu tersebut adalah dikatakan sebagai orang mengalami masalah kesihatan mental yang menjejaskan fungsi dan prestasi inteleknya.

Pendedahan kepada bunyi bising yang berterusan dalam kehidupan seharian pula, boleh menyebabkan pengurangan sensitiviti pendengaran (*hearing sensorineural*) kepada kanak-kanak. Keadaan tersebut boleh menyebabkan kanak-kanak hilang fokus, hilang motivasi serta hilang memori jangka panjang semasa mereka belajar. Situasi tersebut boleh membawa kepada kemerosotan dan prestasi pembelajaran dan pendidikan; kelewatan perkembangan fungsi intelektual kanak-kanak tersebut. Kesan buruk lain akibat bunyi bising ialah gangguan tidur yang amat penting untuk tumbesaran normal kanak-kanak. Kadar tumbesaran tidak normal juga merupakan antara faktor negatif yang mempengaruhi tahap intelektualisma kanak-kanak.

Selain itu, kesan positif larangan pergerakan keluar rumah serta rentas sempadan semasa pelaksanaan PKP; di mana rakyat sentiasa duduk di rumah, telah menurunkan kadar indeks jenayah secara signifikan, menurunkan kadar kes kemalangan jalan raya sebanyak 70 peratus serta perlaksanaan langkah pengendalian banjir datang warga asing tanpa izin (PATI) yang lebih berkesan.

Kesimpulan.

Walaupun pelaksanaan PKP membawa kesan negatif secara langsung kepada ekonomi kita, tetapi secara tidak langsungnya, ia juga memberi kesan positif kepada alam sekitar yang bermanfaat kepada manusia. PKP telah menyempitkan kehidupan ramai manusia, tetapi pada masa yang sama, PKP juga meminimumkan kadar jenayah terhadap alam sekitar yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggung jawab. Ini jelas menunjukkan bahawa apabila manusia menghentikan aktiviti tidak bertanggung jawabnya terhadap alam, maka ia dapat menyelamatkan dan memulihkan alam sekitar yang begitu sukar untuk dipulihkan dalam keadaan biasa. Pemuliharaan alam sekitar amat memberi kesan yang penting kepada kesejahteraan kehidupan manusia. Sesungguhnya, pada setiap kejadian dan penciptaan Allah swt, seperti PKP ke atas pandemik covid 19, samada ianya buruk pada pandangan manusia, sudah pasti ada hikmah yang tersirat di sebaliknya. Oleh itu, setiap manusia seharusnya perlu melihat setiap kejadian dan penciptaan Allah swt melalui kerangka pemikiran yang lebih luas samada untuk mengatasi kejadian tersebut, mengambil iktibar yang positif daripadanya serta terus mengekalkan implikasi positif yang lahir di sebalik kejadian dan penciptaan Allah swt tersebut.

Rujukan.

Penulisan artikel ini banyak merujuk kepada lapuran-lapuran berita yang dikeluarkan oleh akhbar arus perdana di sepanjang tempoh PKP pada bulan Mac hingga September, 2020. Antaranya;

Ahmad Nur Azam Ahmad Ridzuan. Musibah COVID-19 menuntut muhasabah ekonomi. www.bharian.com.my May 3, 2020.

Shahir Adnan. Implikasi Covid-19 kepada ekonomi negara. www.malaysiakini.com.my Jun 25, 2020.

"

[Shahir Adnan. Implikasi Covid-19 kepada ekonomi negara. www.malaysiakini.com.my Jun 25, 2020.](http://www.malaysiakini.com.my)

[A. Kadir Jasin. Kesan Covid-19 kepada ekonomi. www.sinarharian.com.my Sep 6, 2020.](http://www.sinarharian.com.my)

Pak Johnson Tee. Covid 19 – Malaysia hadapi cabaran luar biasa. www.utusanborneo.com.my April 24, 2020.

Firdaus Azil. COVID-19: Impak terbesar terhadap ekonomi negara membangun sejak krisis kewangan 2008. www.astroawani.com.my April 18, 2020

Siti Maslina Abdul Rashid. PKP beri impak positif alam sekitar. www.bharian.com.my Mei 5, 2020

Prof. Madya Ts. Dr. Radin Maya Saphira Radin Mohamed. Kesan COVID-19 terhadap haiwan, tumbuhan dan alam sekitar. www.bernama.com Mei 13, 2020.

Bernamea. PKP beri nafas baharu kepada alam sekitar. www.astroawani.com.my April 19, 2020.

Dr. Mohd Azmir Mohd Nizah. Hikmah Covid-19. www.sinarharian.com.my 22 Mei 2020.

Meenakshi Raman. Pengajaran Covid-19: Hindari malapetaka alam masa depan. www.malaysiakini.com.my 22 Apr 2020,

_____. Hikmah di sebalik Covid-19... air sungai, perairan negara kini lebih bersih dan jernih. www.mstar.com.my 25 April 2020.

Rosmidzatul Azila binti Mat Yamin. Hikmah PKP Dalam Konteks Alam Sekitar. www.ikim.gov.my 4 Mei, 2020.

_____. Alam balas dendam? www.hmetro.com.my 7 April, 2020.